

Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) 2014

PEREKA 2014 telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 27 dan 28 Oktober 2014. Acara ini adalah acara tahunan anjuran Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI). Penyertaan yang bertanding pada kali ini adalah sebanyak 234 projek, dengan 2 kategori; Penyelidikan sebanyak 159 penyertaan dan Inovasi sebanyak 75 penyertaan. Manakala, penyertaan terbanyak adalah dari para pensyarah Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) berjumlah 46 projek; 38 penyertaan Penyelidikan dan 8 penyertaan Inovasi.

Kejayaan para pensyarah dalam PEREKA kali ini dibuktikan dengan jumlah 43 anugerah dalam kategori dan klasifikasi yang telah dinilai. Dalam kategori Penyelidikan, 10 anugerah Perak, 24 Gangsa, dan 2 penyertaan mendapat Sijil; manakala kategori Inovasi, 1 anugerah Emas, 2 Perak, 3 Gangsa, dan 1 Sijil. Selain daripada itu, satu anugerah khas telah diperkenalkan pada PEREKA 2014 iaitu Anugerah Khas Ekokampus. Anugerah ini telah dimenangi oleh Dr Collin G. Joseph dengan projek inovasi bertajuk ‘A Novel Combo Design of a Portable Ozone Generator with Attached Air Compressor for Use in Wastewater Remediation’.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada semua para pensyarah yang telah menyertai PEREKA 2014 dan bagi yang berjaya tahniah diucapkan. Semoga penglibatan pada tahun hadapan akan meningkat dan banyak anugerah yang bakal dirangkul oleh pensyarah FSSA.